

ONTOROS@ANTENOM PAHLAWAN TERBILANG BANGSA MURUT DI SABAH

Dayu Sansalu

dayu@ums.edu.my

Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kertas kerja ini menceritakan sejarah latar belakang dan asal-usul Ontoros@Antenom dan keluarganya serta moyangnya. Diperjelaskan juga tapak warisan dan batu jed pusaka dari moyangnya sebagai bukti Ontoros@Antenom berasal dari keturunan Maharaja Ming di Negara China. Dipaparkan juga tentang norma adat dan struktur kepimpinan mengikut sistem stratifikasi sosial masyarakat Murut berdasarkan keturunan bangsawan bergelar *Kalawon*. Selain itu dibincang juga perwatakan Ontoros@Antenom dan sifat keberanian dan kekebalannya sebagai seorang pahlawan yang berkait rapat dengan adat memburu kepala atau *pengayau*. Diterangkan juga faktor serta strategi Ontoros@Antenom menentang penjajah British mempertahankan hak kedaulatan tanah airnya daripada diceroboh kuasa luar dilakukannya melalui peristiwa Salangit-Rundum yang akhirnya Ontoros@Antenom gugur di bumi Rundum pada tahun 1915.

Latar belakang Ontoros@Antenom

Ontoros@Antenom dilahirkan pada tahun 1873 di kampung *Silar Pinikit* di Rundum sebuah perkampungan di pedalaman Sabah.¹ Kampung *Silar Pinikit* terletak berhampiran dengan kawasan *Masinpuan*² di Ulu Sungai Tahol @ Tagol Pensiangan Sabah. Ontoros@Antenom adalah anak ketiga dalam keluarganya.³ Dia ada dua orang isteri iaitu Sunuron dan Sunsuyon. Mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata.⁴ Beliau ada seorang anak lelaki bernama Ampiris bin Ontoros tetapi meninggal dunia pada 20 Oktober 2001 di Kampung Lima Nabawan ketika berumur 91 tahun (Jasni, 2012:35). Dengan demikian Ontoros tidak mempunyai anak lelaki yang boleh mewarisi hartanya selepas kematian Ampiris Ontoros.⁵

Asal-usul nama panggilan Ontoros kepada Antenom

Nama sebenar Antenom ialah Ontoros bin Buyusan. Sebutan nama Antenom atau Antanom wujud ketika Ontoros bangkit menentang penjajah British. Disebabkan penentangannya, British melabelkannya sebagai *ante-nomad* atau anti penjajah (Binson A. Sabiah, 2004:12). Panggilan *ante-nomad* oleh British kepada Ontoros diterjemahkan penduduk setempat dalam

¹ Hasil temu bual dengan Sinawat Antaka pengerusi PUSAKA dan ahli-ahli PUSAKA.

² *Masinpunan* bererti kawasan tempat air masin atau disebut oleh orang-orang Murut sebagai *sosopon*. *Sosopon* merupakan tempat mergastua mendapatkan air masin yang mengandungi garam mineral. Hasil temu bual penulis dengan Senawat Antakah. Rujuk juga R.M. Jasni (2012:34).

³ Hasil temu bual penulis dengan Sinawat Antakah pada tahun 2016 di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

kalangan masyarakat Murut dengan sebutan *anti-nom* atau *ante-nomad*. Akhirnya beliau disebut sebagai *antenom* atau *antanom*. Selepas itu nama Ontoros tidak lagi disebut, sebaliknya mereka memanggilnya sebagai Antenom atau Antanom⁶ sahaja.

Ontoros@Antenom dididik pelbagai ilmu dan kemahiran tradisional termasuk selok-belok kehidupan di rimba dan hutan belantara serta kehidupan mengharungi sungai yang deras. Ontoros@Antenom juga diajar tentang adat istiadat, etika kerja dan segala jenis pantang larang masyarakatnya. Dia juga dididik cara berladang, bertani dan memungut hasil hutan. Keadaan hidup dalam bidang ekonomi sedemikian rupa terus diamalkannya tanpa sekatan. Ontoros@Antenom turut diajar menternak dan memelihara binatang khususnya anjing disebabkan anjing merupakan kawan karib beliau semasa memburu.⁷ Dia juga diajar cara memburu binatang di hutan.⁸

Ontoros@Antenom dididik mengenal kehidupan rimba dan bermain senjata. Sebagai anak keturunan golongan bangsawan, jiwanya dibentuk agar menjadi seorang *kalawon* atau pemimpin agung dan menjadi pahlawan. Semangat sedia berkorban telah disemai dalam hidupnya supaya bertanggungjawab melindungi keluarga dan kaumnya. Dia juga diajar ilmu kesaktian untuk menghadapi musuh. Sebagai contoh dia mempunyai ilmu mengubah wajah ketika berhadapan dengan musuh. Semasa zaman kanak-kanak Ontoros@Antenom dipelihara, dibesarkan dan dididik datuknya Yontoros serta dibimbing ayahnya Buyusan bin Yontoros. Nama Ontoros yang diberikan kepadanya adalah warisan dari nama datuknya Yontoros yang menjaga dan membesarkannya di tempat pertapaan tradisional keturunan Ontoros di Perbatasan Sabah dan Kalimantan Indonesia.

Semasa Ontoros@Antenom dibawah jagaan Datuknya dia dibawa bertapah di kawasan pertapaan di pergunungan Kalimantan Indonesia dan diajar tentang ilmu kesaktian, kekebalan dan kepahlawanan. Ontoros@Antenom juga dididik tentang kemahiran seni mempertahankan diri dan cepat menguasai ilmu yang dipelajarinya. Dia memiliki kemahiran dan kuasa luar biasa serta mempunyai ilmu gaib sehingga dia tidak dapat dilihat dengan pancaindra manusia. Dia juga mempunyai ilmu kebal yang tidak lot dengan sebarang senjata tajam termasuk senjata api.⁹ Sifat luar biasa Ontoros@Antenom diakui K.G. Tregonning dengan mengatakan Antenom adalah “...a strange man with strange power.” (Tregonning, 1965:211, Binson A. Sabiah, 2004:12). Walaupun Ontoros memiliki kuasa ghaib yang luar biasa, tetapi dia tidak meninggi diri dan tidak angkuh (Binson A Sabiah, 2004:14).

Ontoros@Antenom seorang yang amanah, jujur dan menghormati orang tua. Beliau diajar supaya tidak mengkhianati hak orang lain, tidak berbohong, tetapi bertanggungjawab. Beliau didikan supaya berbudi pekerti dan mempunyai sifat mulia. Sifat ketertiban dan kemuliaannya

⁶ Ibid.

⁷ Hasil temu bual penulis dengan Sinawat Antakah generasi ketiga keturunan Ontoros@Antenom berdasarkan cerita Encik Salui Ampayal generasi kedua keturunan Ontoros yang diceritakan kepadanya pada tahun 1980.

⁸ Hasil temu bual dengan Encik Marutin Ansiung generasi ketiga keturunan Ontoros pada tahun 2017 berdasarkan cerita Encik Suun Ampasok salah seorang daripada kerabat keturunan Ontoros.

⁹ Berdasarkan cerita Puan Kabung bte Andipos dan James Lampak Kurias dalam Binson A. Sabiah, 2004:12.

diterapkan dalam sanubari Ontoros supaya menjadi orang yang berbudi bahasa, lemah lembut, bersopan santun dan berperibadi mulia. Falsafahnya ialah “pengecut tidak ada tempat dalam dunia rimba”. Dalam keadaan persekitarannya yang bergolak lantaran berlaku permusuhan antara kaum yang berpunca dari hutang darah, Ontoros@Antenom tidak ada pilihan selain berwatak keras dan berani. Jika pun dia menjadi jahat dari kaca mata Inggeris, namun kemenjadiannya adalah atas sifatnya sebagai seorang pahlawan.

Dari sejak kecil lagi Ontoros@Antenom sudah mempunyai ciri-ciri seorang pahlawan dan berjiwa besar. Hal ini diakui oleh R.M. Jasni¹⁰ dengan mengatakan:

“Tuhan tidak mencipta Ontoros @ Antanom menjadi manusia ganas, tetapi disebabkan oleh keadaan persekitarannya yang diancam suasana permusuhan, maka dia terpaksa dididik dari kecil supaya memiliki sifat-sifat kepahlawanan, jiwanya dibentuk agar sedia berkorban melindungi keluarga dan sanak saudaranya” (Jasni,2012:34).

Ontoros@Antenom berbadan tegap berperawakan sebagai seorang pahlawan agung atau *Kalawaon*.¹¹ Dia berwajah tampan, gagah dan berani memakai *tinitimbok*,¹² memiliki kekuatan dan kelihatan mempunyai aura sebagai seorang pahlawan dan pemimpin.¹³ Potongan rambutnya ikal mayang. Di bahagian belakangnya digulung berupa siput atau *tinimbuku* dan disematkan sebilah tulang binatang berukiran yang dipanggil *timbok* bertujuan mengemaskan rambutnya yang panjang di samping sebagai senjata sulit.

Ontoros adalah seorang yang tegas, tenang dan bijaksana ketika menghadapi sebarang cabaran. Lantaran keberanian, ketangkasan, kebaikan hati dan mempunyai ciri-ciri pemimpin yang tegas adil dan saksama serta bijaksana dan tidak mementingkan diri, menyebabkan beliau dihormati, disegani serta dikagumi oleh kaumnya (Binson A. Sabiah, 2004). Dia tidak gentar dan undur ketika menghadapi cabaran sama ada diserang atau menyerang (Jasni, 2004:35). Dia digambarkan seperti dalam gambar 1 di lampiran A. Kelebihan yang dimilikinya menyebabkan dia diangkat mengetuai perjuangan menentang British pada tahun 1915 dengan sokongan kuat dari ketua-ketua kampung dan masyarakat Murut di Keningau, Tenom, Pensiangan dan Rundum (Regina Lim, 2008).

Latar Belakang bapa Ontoros@Antenom

Ayah Ontoros@Antenom ialah Buyusan. Mereka memanggil Buyusan sebagai Toros (Jasni, 2012:33). Buyusan atau Toros berasal dari sebuah perkampungan di wilayah Tahol atau Tagal

¹⁰ R.M. Jasni adalah seorang tokoh politik veteran Sabah bergelar Tan Sri, seorang penulis sejarah negeri Sabah.

¹¹ K.K. Bansuk Bin Tampoi merupakan salah seorang waris keluarga Ontoros@Antenom yang kini berumur 70 tahun ketika ditemu bual pada tahun 2010 di Kampung Tinura Kemabong Sabah.

¹² Hasil temu bual dengan Boh Alam salah seorang waris keluarga Ontoros@Antenom yang kini berumur 73 tahun ketika ditemu bual pada tahun 2010 di Kampung Muaya, Sipitang, Sabah.

¹³ Temu bual dengan Puan Kabang seorang kerabat Ontoros dan ahli PUSAKA.

berhampiran dengan perbatasan pedalaman Sabah dan Kalimantan Indonesia.¹⁴ Dia merupakan Ketua Adat di wilayah Tahol. Pemilihannya sebagai Ketua Adat adalah berdasarkan keturunannya sebagai *Kalawaon*. Dia juga merupakan rujukan dan penasihat mengenai hal ehwal kaumnya terutama di kala menghadapi ancaman dari luar khususnya ketika menghadapi puak-puak yang bertelagah dan berakhir dengan aktiviti “pemburu kepala” yang sering berlaku pada zamannya. Justeru itu Buyusan diangkat sebagai ketua kerana dia dianggap mempunyai keturunan golongan bangsawan bergelar *Kalawon*. Hal ini sesuai dengan pendapat Johnson Lilit Wan Usat yang mengatakan “Pada zaman dahulu yang diangkat sebagai pemimpin adalah dari golongan bangsawan, memiliki kemampuan khusus, dituakan, memiliki sifat *mengayomi* atau memiliki keberanian dan sifat keluarganya terpuji secara turun-temurun” (Johnson Lilit Wan Usat, 2008:130). Ayah Buyusan ialah Yontoros dari golongan kelas atasan atau bangsawan yang berketurunan *Kalawaon*.¹⁵

Asal-usul nenek moyang Ontoros@Antenom

Moyang Ontoros dipercayai berketurunan Maharaja Ming kedua dari Negara China¹⁶ iaitu “Ming Huizong” atau “Zhu Yunwen” yang memerintah negara China antara tahun 1399-1402.¹⁷ Maharaja “Zhu Yunwen” adalah cucu kepada Maharaja Ming pertama iaitu Maharaja “Zhu Yuanzhang” yang memerintah negara China antara tahun 1368-1398.¹⁸ Maharaja “Zhu Yunwen” menggunakan nama panggilan ringkas sebagai “*Huidi*” dan terkenal dengan panggilan “*Jianwen*” dengan gelaran Maharaja “Jianwen”.¹⁹ Lihat Jadual 1 di Lampiran B.

Pada masa pemerintahannya berlaku perebutan kuasa antara Maharaja “Zhu Yunwen” dengan pakciknya Maharaja “Zhu Di”. Dalam perebutan kuasa tersebut Maharaja “Zhu Yunwen” atau “Jianwen” diberitakan mati dalam satu kebakaran di istana.²⁰ Dengan kematian Maharaja “Jianwen”, Maharaja “Yongle” mengambil alih takhta kerajaan dari anak saudaranya Maharaja “Zhu Yunwen” atau “Jianwen” dan menghapuskan semua rekod pemerintahan “Jianwen”. Lantaran itu tiada nama kuil yang diberikan kepadanya.²¹ Lihat Jadual 2 di lampiran B. Pakcik “Jianwen” iaitu Maharaja “Yongle” digelar dirinya sebagai Maharaja “Zhu Di” dan dipanggil juga sebagai Maharajah “Wendi” sebagai Maharaja Ming ketiga memerintah negara China antara tahun 1402-1424.²²

¹⁴ Hasil temu bual penulis dengan Senawat Antakah dan Antanom Rawi generasi ketiga keturunan Ontoros@Antenom dan Hawoon Timpuson anak buah Ontoros @Antenom pada tahun 2011 di rumah panjang Selarom Taka Nabawan.

¹⁵ Hasil temu bual dengan Encik Tiga Dawi@Antanom di bilik penulis di Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2016. Beliau merupakan generasi ketiga dalam keluarga besar Ontoros. Namanya adalah mengambnl sempena nama Antenom.

¹⁶ PUSAKA bererti “Persatuan Keluarga Keturunan Pahlawan DSP Ontoros @ Antenom”.

¹⁷ Hasil temu bual Sinawat Antakah dengan Ng Wee Lee (Biras Sinawat) berdasarkan cerita dari nenek moyangnya dan pembacaannya pada tahun 2012 di rumahnya di Sandakan, Sabah.

¹⁸ <https://ms.m.wikipedia.org>.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ibid.

²¹ Ibid.

²² Ibid.

Maharaja “Zhu Yunwen” yang diberitakan mati dalam kebakaran di istana, sebenarnya tidak mati, tetapi telah meninggalkan istana Kerajaan Ming bersama keluarga dan pengikut-pengikutnya berserta dengan kelengkapan perangnya berlayar dengan sebuah kapal dipercayai arah ke Pulau Borneo melalui selatan Filipina dan dipercayai sampai dan mendarat di Borneo seawal abad ke-14.²³ Ketika di Borneo, Maharaja “Zhu Yunwen” berkahwin dengan Puteri Kayangan di Borneo dengan jolokan nama “Babara”²⁴ dan seterusnya menjadi pemimpin terkenal di Borneo ketika itu dengan gelaran “Kalawon” atau “Raja” atau “Pemimpin Agung” bergelar “Kalawon,”²⁵ mengikut sistem politik dan adat istiadat masyarakat tradisional di Kalimantan-Borneo ketika itu.²⁶

Pelayaran ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Borneo atau Sabah pada akhir abad ke-14 dan singgah di puncak Gunung Kinabalu mengambil Gemala Naga semasa era Empayar Maharaja Ming (Dayu Sansalu, 2008), antara tujuannya adalah menjejaki keluarga keturunan Maharaja “Zhu Yunwen” yang dipercayai menetap di wilayah Borneo atas arahan Maharaja “Yongle”,²⁷ namun gagal, lantaran Maharaja “Zhu Yunwen” telah menukar namanya dengan panggilan “Kalawon” setelah berkahwin dengan “Barbara” seorang puteri di Borneo.²⁸

Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan tujuh orang anak. Anak sulungnya menzuriatkan keturunannya sehingga kepada “Buisan” iaitu generasi ketiga keturunan “Zhu Yunwen” dengan gelaran “Sultan Buisan” sebagai pemerintah di Borneo antara tahun 1610-1660 melalui kerajaan “Buwean”²⁹ (Abdul Halim Bashah (Abhar), 1993:50). Dari keturunan “Sultan Buisan” lahir “Lumumbai” yang kemudian melahirkan “Yontoros”. Yontoros mendapat anak bernama “Buyusan”. “Buyusan” mempunyai beberapa orang anak. Salah seorang daripadanya ialah “Ontoros bin Buyusan”³⁰. Pada tahun 1893 “Ontoros” dilantik dan diangkat sebagai *Kalawon* atau pemimpin agung oleh kerajaan Belanda untuk mewarisi kepimpinan moyangnya “Buyusan. Pada tahun 1895 Ontoros mengadakan perjumpaan dengan pihak berkuasa Belanda di Kalimantan Indonesia berhubung dengan isu persempadanan antara wilayah Kelimantan dengan wilayah bebas di Pendalaman Borneo di bawah kekuasaan warisan

²³ Hasil temu bual penulis dengan Senawat Antakah berdasarkan cerita Encik Ng Wee Lee di rumahnya di Sandakan Sabah pada tahun 2012.

²⁴ Babara adalah seorang puteri kayangan di Borneo. Dia dikatakan telah berkahwin dengan Maharaja China bernama “Zhu Yunwen” kemudian menggelar dirinya sebagai *Kalawon* atau pemimpin agung di Borneo.

²⁵ Kalawon bermaksud pemimpin agung.

²⁶ Hasil temu rama penulis dengan Senawat Antakah berdasarkan cerita Puan Rungi Angawoi dan Encik Salui Ampayal yang pernah menceritakan kepadanya pada tahun 1980 dan temu bual Senawat Antakah dengan Encik Ng Wee Lee di Sandakan Sabah pada tahun 2012.

²⁷ Hasil temu rama penulis dengan Senawat Antakah pada tahun 2016. Rujuk juga Pusaka Sabah, 2016.

²⁸ Di antara sebab Maharajah “Zhu Yunwen” menukar namanya dengan gelaran “Kalawon”, bertujuan mengelakkan daripada dijejaki oleh bala tentera atau Pasukan Perang Maharaja “Yongle” iaitu pakciknya yang telah mengambil alih kuasa pemerintahan Empayar Dinasti Ming daripadanya pada tahun 1402-1424. Rujuk juga (Pusaka 2016).

²⁹ Kerajaan Buwean di Borneo adalah singkatan daripada Sultan Buisan yang menjadi Sultan di Borneo pada tahun 1610-1660.

³⁰ Nama Ontoros mengambil sempena nama datuknya Yontoros dan nama ayah Ontoros iaitu Buyusan yang mengambil sempena nama Sultan Buisan. Demikian juga dengan nama Lumumbai Antawor mengambil sempena nama Ontoros@Antenom. Nama Tiga Dawi Anttenom mengambil sempena Kalawon Lumumbai dan nama Ontoroh Antukar mengambil sempena nama Ontoros. Nama Tiga Dawi Antenom mengambil sempena nama Antenom. Nama-nama tersebut merupakan nama warisan keturunan Ontoros @ Antenom.

tradisional nenek moyang “Buyusan” dan memohon supaya kawasaan tersebut diserahkan kepadanya seagai pewaris bagi pihak keturunannya dari “Sultan Buisan” kepada anaknya “Lumambai” kemudian kepada “Yontoros” dan akhirnya kepada “Buyusan” ayah “Ontoros” (Dayu Sansalu, 2017:84).

Tapak warisan asal-usul keturunan Ontoros@Antenom

Berdasarkan cerita lisan, hasil perkahwinan Kalawon (keturunan Maharaja Zhu Yunwen) dengan “Babara” mereka dikurniakan tujuh orang anak yang dikenali sebagai “Tujuh Bersaudara” atau “Tulu Sangaka”³¹ dalam bahasa Murut Tahol atau Tagal.³² Ketujuh-tujuh bersaudara atau “Tulu Sangka” ini selalu mengadakan perjumpaan di Sinapar di perbatasan Sabah-Kalimantan. Tempat tapak perjumpaan tersebut dikenali sebagai “Batu Paya”.³³ Tapak tersebut masih wujud di kawasan Sinapar di perbatasan Sabah-Kalimantan. Tapak tersebut dijadikan sebagai tapak jejak warisan tradisional masyarakat Murut Tahol.³⁴ Keturunan daripada anak sulung “Tujuh Bersaudara” atau “Tulu Sangaka” ini menzuriatkan keturunannya sehinggalah kepada kelahiran Ontoros@Antenom.³⁵ Tapak warisan tersebut merupakan bukti kewujudan cerita tentang asal-usul keturunan Ontoros@Antenom.

Jed Warisan Keturunan

Selain itu, terdapat juga khazanah jed warisan keturunan milik maharaja “Zhu Yuan Chang” (Zhu Yuanzhang) yang memerintah Negara China pada tahun 1368-1398 berupa jed yang bernilai tinggi harganya. Jed-jed tersebut pernah digunakan dalam kerajaan Dinasti Ming semasa pemerintahan Maharaja “Zhu Yunwen”. Lihat Gambar 2,3,4 dan 5 dalam lampiran B. Jed-jed berkenaan merupakan lambang warisan Maharaja “Zhu Yuan Zhang” dan keturunannya serta sebagai lambang atau cap mohor pengesahan tanda kekuasaan pemerintahan kerajaan Dinasti Ming pada tahun 1368-1644 mengikut fungsinya masing-masing. Jed 1, 2 dan 3 misalnya, merupakan lambang pemerintahan Kerajaan Ming di bawah Maharaja “Zhu Yuan Zhang” dan Jed 4 dan 5 dipakai oleh raja semasa majlis rasmi dan adat-istiadat diraja seperti majlis pertabalan dan sebagainya. Lihat Gambar 2 di lampiran A.

Tulisan yang tertara pada jed tersebut berbunyi bermaksud kekayaan dan kemewahan atau *wealth and prosperity*, Dinasti Ming, panjang umur atau *Ming Dynasty, Long Live* dan Zhu Yuan Zhang. Jed-jed tersebut merupakan bukti kukuh bahawa Ontoros@Antenom adalah datang daripada keturunan bangsawan maharaja Kerajaan Ming dari negara China. Jed tersebut masih ada dalam simpanan keluarga keturunan Ontoros@Antenom. Mereka mendakwa jed-

³¹ Tulu bermaksud tujuh dan Sangkaka bererti bersaudara kandung. Hasil temu ramah penulis dengan Senawat Antakah di UMS pada tahun 2016.

³² Hasil temu rama penulis dengan Senawat Antakah pada tahun 2016 di Hotel Perkasa Keningau berdasarkan cerita Encik Salui Ampayal yang diceritakannya pada tahun 1980.

³³ Cerita Batu Paya adalah berdasarkan temu bual penulis dengan Senawat Antakah pada tahun 2016 berdasarkan cerita Encik Ampang Tun pada tahun 2010 dan Encik Olok Emba pada tahun 2016.

³⁴ Temu bual penulis dengan Sinawat Antaka pada tahun 2016.

³⁵ Temu bual penulis dengan Seawat Antakah pada tahun 2016 berdasarkan perbualannya dengan Encik Salui Ampayal di rumahnya pada tahun 1980.

jed berkenaan adalah milik keturunan nenek moyang Ontoros@Antenom yang diwarisi simpan melalui keturunannya dari satu generasi ke satu generasi sehinggalah ke tangan Ontoros@Antenom. Selepas itu jed-jed tersebut diserahkan Ontoros @ Antenom kepada anak sulung sebagai pemegang wasiat tersebut untuk keturunannya sehari sebelum Ontoros@Antenom menyerah diri kepada pihak British.³⁶ Sejak peristiwa itu, khazanah warisan tersebut bertukar tangan dalam kalangan anak-anak Ontoros dan pewaris seterusnya yang layak menjaga simpan dengan penuh tanggungjawab.³⁷

Cerita tentang asal-usul jed-jed tersebut tidak pernah diketahui walaupun oleh ahli-ahli keluarga Ontoros sebelum ini. Ceritanya hanya mula di rungkai kepada pengetahuan keluarga besar Ontoros@Antenom setelah hampir 100 tahun disimpan dan dirahsiakan sejak Peristiwa Salangit-Rundum 1915 berlaku, lantaran sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Perkara ini hanya dimaklumkan kepada pengetahuan keluarga besar keturunan Ontoros@Antenom semasa majlis “Jejak Kasih Se Borneo” yang diadakan pada 12 dan 13 Mac, 2012 di Kampung Salarom Baru, Nabawan, Sabah atas usaha Ahli-ahli PUSAKA iaitu persatuan waris-waris Ontoros yang dihadiri hampir semua keturunan keluarga Ontoros@Antenom dari seluruh pelosok Borneo termasuk Sarawak, Brunei dan Kalimantan Indonesia.

Pandangan masyarakat Murut terhadap British

Kedatangan penjajah British ke Sabah khususnya di Rundum pada penghujung abad ke 19 telah memperlakukan penduduk Rundum yang terdiri daripada kaum Murut sebagai hamba abdi. Mereka ditangkap dan dijadikan buruh paksa membina laluan jalan ke pedalaman dan memasang kawat telegraf antara Tenom dan Rundum. Lebih kejam British mensyaratkan pasangan suami isteri kaum Murut tidak boleh tinggal bersama. Lebih menyedihkan dan tanpa perikemanusiaan British telah menetapkan jika suami isteri kaum Murut memiliki dua orang anak, Syarikat Berpiagam Kompeni British akan mengambil seorang daripadanya untuk dijadikan sebagai buruh paksa.

Pihak penjajah British juga dianggap tidak bertanggungjawab apa bila mereka tidak menghiraukan adat dan kepercayaan penduduk peribumi dengan mencerooboh kawasan hutan bertujuan membina jalan. Bagi masyarakat Murut perbuatan tersebut dianggap mengganggu roh nenek moyang mereka. Ironinya dengan sesuka hati British mencerooboh kawasan hutan tetapi pada masa yang sama mereka melarang penduduk Murut membuka tanah baharu bagi tujuan pertanian. Sesiapa yang engkar akan dikenakan denda atau cukai membuka kawasan baru. Kesannya menyebabkan penduduk menghadapi masalah kekurangan beras sebagai sumber makanan.

British dianggap semakin menindas kaum Murut apabila mereka dikenakan dengan pelbagai jenis cukai yang pelik dan tidak pernah wujud sebelum itu seperti antaranya ialah cukai kepala,

³⁶ Hal ini diceritakan oleh Rawi Ampayal pada tahun 1996. Beliau merupakan generasi ketiga keturunan Antenom.

³⁷ Penulis ada melihat sendiri jed-jed tersebut dan penulis berpendapat, jed-jed tersebut adalah asli berupa cap mohor bagi sesuatu kerajaan yang berpengaruh.

cukai tapai, cukai anjing peliharaan dan tangkapan ikan, cukai pelbagai hasil pertanian dan cukai tanah dan ladang (Dayu Sansalu, 2017). Cukai-cukai tersebut dianggap amat membebankan mereka. Masyarakat Murut berpendapat mereka tidak diberi layanan yang adil, sedangkan mereka merupakan penduduk asal yang sudah lama mendiami di bumi Sabah amnya dan di Rundum khususnya. Dengan demikian, masyarakat Murut merasakan kebebasan yang mereka telah lalui selama ini diragut oleh pihak penjajah British. Malah maruah mereka juga seolah-olah dipermainkan-mainkan pihak British. Penganiayaan dan kekejaman yang berterusan yang dilakukan British terhadap kaum Murut di Rundum amat dikesali dan akibatnya mereka hilang sabar.

Hal ini membangkitkan semangat penentangan terhadap pemerintah British. Kesengsaraan hidup bangsa Murut berikutan dasar campurtangan penjajah British yang memperlakukan mereka tanpa perikemanusiaan menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk bangun menentang sebagai tindakan akhir mereka. Kemarahan dan kebencian yang meluap-luap ibarat api dalam sekam, asapnya tidak kelihatan tetapi terus membara dan membakar semangat orang-orang Murut dan akhirnya membawa kepada kebangkitan penentangan terhadap penjajah British atas beberapa sebab khususnya pengenalan pelbagai jenis cukai yang dikenakan kepada mereka dan cukai-cukai tersebut dianggap membebankan mereka dan mereka tidak sanggup menanggungnya jika keadaan tertsebut berterusan.

Dasar campur tangan pihak penjajah British terhadap hal ehwal tanah air suku kaum Murut menerusi dasar penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB), mereka anggap benar-benar mengkhianati hak kebebasan yang dinikmati mereka sejak sekian lama, malah dianggap satu pencabulan hak asasi manusia yang tidak bertamadun. Melihat kesengsaraan dan tekanan hidup yang membebankan tanpa kemanusiaan, akhirnya Ontoros@Antenom mengambil keputusan bertindak menentang pentadbiran British.

Gerakan penentangan Ongoros terhadap British

Mendahului gerakan penentangan adalah dipimpin oleh Linggam dan Melayak pada tahun 1909, malangnya gerakan mereka gagal kerana kedua-dua mereka telah dibunuh tentera British. Pembunuhan mereka meningkatkan lagi rasa kebencian dan kemarahan bangsa Murut terhadap British. Akhirnya Ontoros sendiri bangun mengetuai pasukan gerakan menentang British di Rundum. Hal ini kerana dia tidak sanggup lagi melihat kaumnya ditindas dan dianiaya serta diperlakukan seperti hamba abdi di tanah airnya sendiri oleh pihak bangsa asing yang datang menjajah mereka. Sebagai ketua Ontoros@Antenom dengan tegas dan berani telah memulakan gerakan mengumpul kaumnya berjuang membela bangsa dan tanah airnya. Beliau bangun membela dan membalas dendam atas kematian dua orang pahlawannya yang dibunuh kerana menentang British pada tahun 1909.

Ontoros@Antenom menemui ketua-ketua setiap suku bangsa Murut dan mengajak mereka supaya bersatu sebagai satu pasukan menentang penjajah British. Mereka mahu agar penjajah British keluar dari Bumi Borneo khususnya keluar dari Negeri Murut yang mereka anggap sebagai wilayah merdeka di kawasaan pedalaman Borneo Utara. Perlawaan penyatuan oleh

Ontoros@Antenom mendapat sokongan semua ketua suku kaum Murut di pedalaman khususnya di Rundum dan berjanji akan memberi sokongan sepenuhnya untuk mempertahankan negeri Murut dengan slogan “biar mati anak, jangan mati adat.”³⁸

Ontoros@Antenom berjaya mengumpul seramai lebih kurang 900 orang pahlawan Murut dari beberapa kawasan termasuk Tenom, Keningau dan Pensiangan memulakan gerakan penentangan terhadap British. Ontoros@Antenom telah melantik dua orang kanannya iaitu Ansokol dan Kalur, manakala setiap kampung dipimpin oleh ketua kampongnya. Mereka mula merancang strategi untuk melaksanakan visi dan misinya tanpa diketahui oleh pihak British. Secara senyap Ontoros dan pengikut-pengikutnya telah membina beberapa buah kubu seperti kubu Menining di hulu sungai Telokoson, kubu Lihon, kubu Impal dan kubu Salang.³⁹ Perancangan mereka seterusnya ialah membina kubu pertahanan utama di Selangit dalam daerah Rundum. Kubu pertahanan ini merupakan kubu induk yang dikenali sebagai kubu *Silar Pinikit* dibina sejak tahun 1913. Kubu tersebut dibina di bawah tanah dan boleh menempatkan tujuh buah rumah di dalamnya serta dilengkapi dengan terowong bawah tanah. Suatu perancangan yang rapi dan sangat mengagumkan pernah dibina oleh Ontoros@Antenom.

Sebaik sahaja kubu-kubu pertahanan dan persediaan untuk menentang British siap sepenuhnya, Ontoros@Antenom dengan kekuatan pasukan gempur seramai 900 orang pahlawan Murut, mereka melancarkan serangan hendap yang pertama terhadap pejabat Pegawai Daerah dan pasukan polis yang sedang bertugas di Pensiangan pada awal bulan Februari 1915. Pegawai-pegawai dan askar-askar British terkejut dan menggigil ketakutan kerana beratus pahlawan Murut membanjiri bangunan pejabat pentadbiran British di Pensiangan dan menyerang mereka. Dengan semangat juang yang tinggi walaupun mereka hanya menggunakan senjata tradisional seperti bujak atau tombak, *pipilang* (pedang) dan sumpitan sahaja, namun mereka berjaya membunuh ramai askar dan pegawai British yang bertugas di tempat itu, sementara yang lain lari menyelamatkan diri. Kumpulan penentang berjaya membakar dan memusnahkan bangunan pejabat pentadbiran British.

Kejayaan mengalahkan British di Pensiangan, telah menyuntik semangat dan keyakinan tinggi Pahlawan Ontoros dan pengikutnya meneruskan serangan lebih besar terhadap British. Dengan kekuatan seramai 600 orang pahlawan Murut, mereka melancarkan serangan terhadap pejabat-pejabat kerajaan British di Rundum pada bulan Mac 1915 iaitu sebulan selepas serangan di Pensiangan. Pegawai dan askar-askar British yang berpangkalan di Rundum gagal menyekat serangan pahlawan-pahlawan Murut yang diketuai oleh Ontoros@Antenom dan akhirnya pasukan British mengalami kekalahan teruk.

Akibatnya segala kepentingan British di kawasan tersebut dimusnahkan oleh pahlawan Ontoros dan orang-orangnya. Sebagai tindak balas British menghantar 400 orang tentera yang dilengkapi dengan senjata moden menyerang balas terhadap pasukan Ontoros@Antenom.

³⁸ Hasil temu bual dengan Senawat Antakah di bilik penulis di Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2016.

³⁹ Ibid..

Namun tentera British gagal menundukkan mereka. Kejayaan mereka menaikkan lagi semangat Pahlawan Ontoros@Antenom dan kaum Murut mempertahankan hak dan maruah mereka dan ingin terus mengusir penjajah British dari bumi Rundum khususnya dan tanah Sabah amnya.

Peristiwa di Bukit *Silar Pinikit* di Selangit

Kekalahan British di Rundum, membuatkan SBBU tidak selesa dan cemas. Bagi SBBU, kemaraan pasukan Ontoros@Antenom perlu disekat. Jika tidak, sudah tentu akan menggugat kepentingan British di Rundum khususnya dan kepentingan British di Borneo Utara amnya. Kehebatan Ontoros@Antenom dan gelombang kebangkitan pahlawan tempatan menentang British, menyebabkan British merasa bimbang lalu merancang untuk menyerang balas terhadap kubu Ontoros@Antenom. Pada akhir bulan April 1915, British menghantar seramai 400 tenteranya menyerang dan memusnahkan kubu Ontoros@Antenom di Selangit Rundum dengan bantuan dari orang-orang Dayak dan beberapa orang kaum Murut sendiri yang menjadi tali barut British. Pertempuran berlarutan selama enam minggu, namun usaha British gagal menembusi kubu Ontoros, disebabkan pintu masuk ke dalam kubu atau *Lavang* tersebut tidak dapat dikesan oleh askar-askar British. Akhirnya askar-askar British menerima kekalahan dan terpaksa berundur (Nasron Sira Rahim, 2014). Menurut cerita keluarga keturunan Ontoros, Ontoros memang sukar dikalahkan lantaran dia memiliki kuasa luar biasa yang tidak boleh ditembusi dengan senjata tajam termasuk senjata api atau peluru.

Kegagalan British menyerang kubu Ontoros, memaksa mereka menukar strategi dengan pelbagai taktik kotor seperti menyekat bekalan makanan dan mengalihkan saluran air yang disalur untuk masuk ke dalam kubu Ontoros ke tempat lain. Akibatnya menyebabkan Ontoros@Antenom dan pengikutnya kehabisan sumber bekalan air dan makanan (Nasron Sira Rahim, 2014). British juga menjalankan pelbagai hela dan taktik kotor memperdayakan Ontoros dengan berpura-pura mengadakan perundingan dan gencatan senjata serta mencari jalan perdamaian. British meminta supaya acara perundingan diadakan di Rundum yang terletak kira-kira tujuh hari perjalanan dari kubunya di Selangit. British berjanji akan memberikan kuasa autonomi kepada Ontoros@Antenom sebagaimana yang disuarkannya kepada British sebelum itu. British juga berjanji menggugurkan semua cukai yang menjadi punca kemarahan masyarakat Murut (Nasron Sira Rahim, 2014).

British melantik seorang pahlawan berbangsa Iban bernama Eyai sebagai ketua utusan atau juru cakap British. Eyai diarah oleh British mempelawa Ontoros@Antenom bersama pahlawan-pahlawan kanannya seperti Kalur, Ansokol dan Tangar supaya keluar dari kubu Salangit. Eyai juga menawarkan diri untuk mengiringi mereka ke Rundum. Atas sifat tanggungjawab dan demi keselamatan penduduk dan pengikut-pengikutnya Ontoros dengan rela hati menerima tawaran tersebut kerana menyangka British betul-betul ikhlas mahu mengadakan perdamaian supaya peperangan dapat dihentikan dan pasukan British berundur dari Rundum. Lantaran itu Ontoros@Antenom dan pasukannya bergerak ke Rundum dengan harapan perjanjian dapat diadakan seperti yang dijanjikan British.

Malangnya setibanya rombongan Ontoros@Antenom di Kampung Kapulu setelah empat hari perjalanan dari Salangit menuju Rundum, tanpa diduga dan tanpa pengetahuan Ontoros dan rakan-rakannya, ratusan askar British sudah bersedia menunggu lalu mengepong Ontoros dan kawan-kawannya. Mereka ditangkap dan ditawan lalu membawa mereka ke Rundum. Setibanya di Rundum, Pelbagai usaha dilakukan untuk membunuh mereka dengan cara mengikat dan cuba membakar mereka. Namun semua usaha British itu gagal, lantaran Ontoros @Antenom memiliki ilmu kebal dan ilmu luar biasa yang tidak boleh ditembusi peluru (Nasron Sira Rahim, 2014).

Langkah British seterusnya ialah memaksa Ontoros memberitahu rasiah kekebalannya dengan mengancam untuk membunuh pengikut-pengikutnya termasuk mengancam membunuh ahli keluarga mereka dan semua yang terlibat dalam penentangan terhadap pegawai dan askar-askar British di Pensiangan dan Rundum. Lantaran itu Ontoros terpaksa membocorkan rahsia kekuatan dan kekebalannya yang terletak pada tali pengikat di tangan dan di kakinya dengan penggunaan pedang atau *pailang* miliknya, demi untuk keselamatan pengikut-pengikut dan keluarganya dan untuk mencapai perdamaian yang dijanjikan British dapat dijalankan dengan segera.

Malangnya selepas mengetahui rahsia Ontoros, British bertindak tanpa perikemanusiaan dengan menyeksa dan mencederakan Ontoros dan akhirnya kepalanya dipancung dengan kejam menggunakan senjata keramat miliknya. Akhirnya Ontoros@Antenom gugur dibumi kelahirannya di Rundum pada 18 April 1915 atas tipu muslihat British (<http://www.aboutsabah.com.my> dan Nasron Sira Rahim, 2014). Setelah Ontoros@Antenom dibunuh, orang-orang kanannya dihukum buang daerah ke Kudat, yang lain dikerah menjadi buruh paksa memasang kawat telegraf dari Kimanis ke Keningau tanpa gaji. Pengikut-pengikut Ontoros yang lain diminta bersumpah taat setia kepada Kompeni dengan cara menyimbah darah kerbau serta menguburkan kepala kerbau di batu persumpahan. (Serinta, 1998:98). Sejak peristiwa tersebut semua suku sakat keturunan Ontoros@Antenom berhijrah ke tempat lain kerana takut dijejaki oleh British.

KESIMPULAN

Ontoros@Antenom ibarat pepatah Melayu yang berbunyi “harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”. Hal ini kerana seperti para pejuang kemerdekaan yang lain, Ontoros@Antenom merupakan pahlawan Murut yang unggul dimata masyarakatnya dan dimata rakyat Sabah dan Malaysia umumnya. Beliau telah menggerakkan pemberontakan Rundum menentang penjajah pada tahun 1915 yang memberi banyak pengajaran kepada generasi Malaysia umumnya. Sebagai tanda penghargaan dan peringatan terhadap jasanya memperjuangkan kemerdekaan bangsanya, sebuah Tugu Peringatan telah dibina untuknya di Tenom. Tugu tersebut merupakan penghargaan kepada Ontoros@Antenom sebagai pahlawan Murut yang terkenal dan perkasa dari Borneo Utara (Sabah) Malaysia.

Ontoros@Antenom berjuang terhadap tanah airnya dengan semangat jiwa yang kental sehingga sanggup berkorban untuk mempertahankan adat, bangsa dan kaum serta tanah airnya. Ontoros@Antenom bin Buyusan merupakan seorang pahlawan bangsa Murut yang gagah

berani dan bukan sebagai pemberontak sebagaimana yang dilebelkan oleh pihak penjajah British kepadanya. Sebagai tanda penghargaan dan pengikhtrafan ke atas sumbangannya Kementerian Pelajaran Malaysia memilihnya sebagai salah satu tokoh pejuang Negara. Sebagai menyanjung tinggi perjuangan Ontoros@Antenom, beliau dikurniakan Darjah Kebesaran tertinggi Sabah iaitu Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima Ontoros@Antenom pada 16 September 2002 (Sabah Times, 2002). Kerajaan juga telah mengikhtraf perjuangannya dengan menamakan Dewan masyarakat Kemabong, Dewan masyarakat Tenom dan muzium Tenom mengambil sempena nama Datuk Sri Panglima Antenom sebagai Pahlawan Bangsa Murut yang Terbilang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Bashah (Abhar). 1996. Wali Songo: Dengan Perkembangan Islam Di Nusantara, Kota Baharu Kelantan, Penerbitan AlKafilah Enterprise.
- Binson A. Sabiah. 2004. *Pahlawan Murut Ontoros bin Endoi @ Antenom*. Kota Kinabalu: Chin Chi PrintingWorks Sdn. Bhd.
- Black, Ian. D., 1981. "The Rundum Rebellion of 1915 in Sabah: Millenarianism and Social Protest", Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Dan Masyarakat Sabah*. Anjuran Yayasan Sabah dengan kerjasama Jabatan Persatuan Sejarah Malaysia. Kota Kinabalu pada 12-16 Ogos 1981.
- Bolang A. & Tom Harrisson, 1949. "Muruts and Related Vocabularies with Special Reference to North Borneo Terminology", dlm. *Sarawak Museum Journal*. Vol. V. No. 1 dan 16.
- Crain, Jay B., 1972. "Murut depopulation and the Sipitang Lun Dayeh", dlm. *JMBRAS*. Vol. 45. Part 2.
- Dayu Sansalu, 2002. "Pendidikan dan Proses Pemodenan Masyarakat Rumpun Dusun Bukan Islam di Sabah 1881-1967" Tesis Ph.D Universiti Malaysia Sabah.
- Dayu Sansalu, 2008. *Kadazandusun Di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dayu Sansalu, 2017. *DSP Ontoros@Antenom Pahlawan Terbilang Bangsa Murut*, Kota Kinabalu. PUSAKA.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1994, 1998 dan 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gintod. Raimond Emos. 1981. "Sistem Kepercayaan Masyarakat Murut Timugon Sabah", Bangi Selangor: Tesis M.A. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Han Sin Fong., 1975. *The Chinese in Sabah, East Malaysia*. China, Taipei: The Chinese Association for Folklore.
- Harris, A. Sue., 1977. "The Rundum Rebellion", dlm. *Sabah Society Journal*. Vol. XIV. 1969-1970 Monograph.
- Jamdin Buyong, 1981. "Perjuangan Peribumi Menentang Penjajah di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat". Kertas kerja yang belum Diterbitkan. Dibentangkan dlm. *Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah*. Anjuran Yayasan Sabah dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sabah di Kota Kinabalu pada 12-16 Ogos, 1981.
- Jasni, R.M., 2004.

- Jasni, R.M., 2012. *Ontoros Antanom: Mempertahankan Kemerdekaan Negeri Murut*. Kota Kinabalu: Inna Kinabalu Sdn. Bhd.
- Johnson Lilit Wan Usat. 2008. *Sejarah Penyebaran & Kebudayaan Suku-Suku di Kabupaten Malianu*. Dinas Kebudayaan Dan Pariwisata Kabupaten Malinau.
- Nasron Sira Rahim. (2014). "Ontoros Berjuang Tentang Penindasan", dalam *Borneo History: Ontoros*. borneohistory57.blogspot.my. (19 August 2014).
- Regina Lim. 2008. *Federal-state relations in Sabah, Malaysia: The Berjaya administration, 1976-85*, Institut of Southeast Asian Studies, ms.29.
- Ranjit Singh, D.S., 1980. "Sistem Politik Peribumi Sabah", dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Journal Persatuan Sejarah Malaysia.
- Raymond Emus Gintod, 1981. "Sistem Kepercayaan Masyarakat Murut Timugon Sabah", Tesis M.A. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor.
- Sinawat Antakah. 2016. "Welley@Sinawat bin Antaka Dalam Keluarga Asas DSP Antenom@Ontoros". Kertas kerja yang belum diterbitkan.
- Sinawat Antakah. 2016. "Kebangkitan Suku Kaum Murut Pimpinan Antanom@Ontoros Menentang Penjajah", Kertas kerja yang belum diterbitkan.
- Sinawat Antakah. 2016. "Jejak Lokasi Warisan Ontoros@Antenom", Kertas kerja yang belum diterbitkan.
- Tregonning, K.G., 1958. *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Singapore: University of Malaya Press.
- Tregonning, K.G., 1965. *A History of Modern Sabah (North Borneo) 1881-1963*. Singapore: University of Malaya Press.
- Woolley, G.C.,1932. "Murut Basketwork", dlm. *Journal Society of Malayan Royal Asiatic Society*. Vol. 10. Part 1.
- Woolley, G.C., 1937."The Timoguns, Tuaran Adat", dlm. *Native Affairs Bulletin*. No. 2. Sandakan: Government Printers.
- Woolley, G.C., 1958. "Murut Adat", dlm. *Native Affairs Bulletin*, No. 2. Sandakan: Government Printers.
- Woolley, G.C., 1962. "The Timoguns: A Murut tribe of the Interior, North Borneo", dlm. *Native Affairs Bulletin*. No. 5.

RESPONDEN

Ampang Tun, Antanom Rawi, Arungi Angawoi, Boh Alam, Hawoon Timpuson, KK. Bansuk bin Tampoi, Marutin Ansiung, Ng Wee Lee, Olok Emba, Puan Kabang, Rawi Ampayal, Rungi Angwoi, Salui Ampayal, Sinawat Antakah@Welly, Suun Ampasok, Tiga Dawi@Antanom.

LAMPIRAN A:

Gambar 1: Ontoros @Antenom bin Buyusan



Sumber: Gambar oleh Sinawat Antakah

Gambar 2: Set Jed-jed Warisan Maharaja Ming (1368-1644)



Sumber, Pusaka Sabah, 2016

LAMPIRAN B

Jadual 1: Senarai Keturunan Maharaja Ming 1368-1567

Senarai maharaja dinasti Ming - Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas					
Nama peribadi	Nama selepas mati ¹ (bentuk ringkas)	Nama kuil ¹	Nama era	Tahun pemerintahan	Nama yang paling dikenali
Zhū Yuánzhāng 朱元璋	Gāodi 高帝	Tàizǔ 太祖	Hóngwǔ 洪武	1368-1398	Maharaja Hongwu
Zhū Yǔnwén 朱允炆	Huìdì 惠帝	<i>Tiada</i> ²	Jiànwén 建文	1398-1402	Maharaja Jianwen
Zhū Dì 朱棣	Wéndì 文帝	Chéngzǔ, 成祖 <i>atau</i> Tàizōng, 太宗	Yǒnglè 永樂	1402-1424	Maharaja Yongle
Zhū Gāochì 朱高熾	Zhāodì 昭帝	Rénzōng 仁宗	Hóngxī 洪熙	1424-1425	Maharaja Hongxi
Zhū Zhānjī 朱瞻基	Zhāngdì 章帝	Xuānzōng 宣宗	Xuāndé 宣德	1425-1435	Maharaja Xuande
Zhū Qìzhèn 朱祁鎮	Ruidì 睿帝	Yīngzōng 英宗	Zhèngtǒng, 正統 1436-1449; Tiānshùn, 天 順 1457-1464	1435-1449; 1457-1464 ³	Maharaja Zhengtong
Zhū Qífù 朱祁鈺	Jǐngdì 景帝	Dàizōng 代宗	Jǐngtài 景泰	1449-1457	Maharaja Jingtai
Zhū Jiànshēn 朱見深	Chúndì 純帝	Xiànzōng 憲宗	Chéngguà 成化	1464-1487	Maharaja Chenghua
Zhū Yòutáng 朱祐樞	Jìngdì 敬帝	Xiàozōng 孝宗	Hóngzhì 弘治	1487-1505	Maharaja Hongzhi
Zhū Hòuzhào 朱厚照	Yìdì 毅帝	Wúzōng 武宗	Zhèngdé 正德	1505-1521	Maharaja Zhengde
Zhū Hòucōng 朱厚熜	Sùdì 肅帝	Shìzōng 世宗	Jiājīng 嘉靖	1521-1567	Maharaja Jiajing

ms.m.wikipedia.org/wiki/Senarai_maharaja_dinasti_Ming

Sumber: <http://msw.wikipedia.org>

Jadual 2: Senarai Maharaja Dinasti Ming (1368-1644).

Order	Name	Notes	Reign Time (years)
1	Ming Taizu / Emperor Hongwu (Zhu Yuanzhang)	Founder of the Ming Dynasty; once entered a monastery and later a leader of the peasant's uprising army. In 1368, he proclaimed himself emperor in Yingtian (today's Nanjing).	1368 - 1398
2	Ming Huizong (Zhu Yunwen)	Grandson of Zhu Yuanzhang; Originally, his father Zhu Biao was designated as the heir. He came to the throne because of Zhu Biao's early death.	1399 - 1402
3	Ming Chengzu (Zhu Di)	The fourth son of Zhu Yuanzhang; He usurped the throne by from the hands of Zhu Yunwen. His reign was said to be the most prosperous period of the Ming Dynasty.	1403 - 1424
4	Ming Renzong (Zhu Gaochi)	The eldest son of Zhu Di; His reign was short because of his early death. But he was remembered as an innovative emperor.	1425
5	Ming Xuanzong (Zhu Zhanji)	Son of Emperor Renzong; ruled for ten years and died of illness	1426 - 1435

Sumber: <http://msw.wikipeda.org>